

MAHATHIR-KESELAMATAN
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGESYURKAN SUPAYA MAJLIS KESELAMATAN JALANRAYA, DENGAN SOKONGAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN, MELANCARKAN KEMPEN BERTATATERTIB DI SELURUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, BAGI MENJALANKAN KEMPEN ITU, MAJLIS ITU HENDAKLAH MENDAPATKAN LEBIH RAMAI AHLI YANG DAPAT BEKERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN.

KATANYA, KEMPEN ITU HENDAKLAH MENJADI USAHA YANG DIJALANKAN SETIAP SELEPAS BEBERAPA KETIKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMDUAT SYUR TERSEBUT DALAM UCAPANNYA DI MAJLIS JAMUAN DI SINI MALAM INI BAGI MENGUTIP DERMA UNTUK KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA WILAYAH PERSEKUTUAN. UCAPAN BELIAU DIBACAKAN OLEH DATIN SERI DR. SITI HASMAH.

BELIAU MENYATAKAN KEBIMBANGAN TENTANG KESELAMATAN DI NEGARA INI KHUSUSNYA MEMANDANGKAN KERAJAAN SEKARANG SEDANG MEMBINA RANGKAIAN LEBUHRAYA BARU.

+DENGAN CARA INI TERDAPAT LEDIH BANYAK TEMPAT BERLAKUNYA KEMALANGAN YANG MELIBATKAN ORANG TERKORBAN DAN MENCEDERAKAN DIRI MEREKA. TETAPI DENGAN ADANYA UNSUR KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN TATATERTIB JALANRAYA DAN KEMAHIRAN MEMANDU, DTHARAP KESAN BURUK TIDAK BEGITU BESAR, UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGUR PEMANDU LORI KERANA SIKAP MEREKA TIDAK MEMGAMBIL BERAT TENTANG KESELAMATAN LAIN-LAIN PENGGUNA JALANRAYA.--BERNAMA 0018/AH